

Program 'Stop Pedofilia 3.0' Pupuk Kesedaran Masyarakat Tentang Jenayah Pedofilia

Terakhir dikemaskini: Khamis, 19 Disember 2019 14:43 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 107

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



**KHAMIS, 19
DISEMBER**
– Program
'Stop
Pedofilia 3.0'
anjurkan
pelajar
Kursus
Interaksi
Institusi dan
Masyarakat
(INTERIM),
Seksyen 2
Sesi
2019/2020,
Universiti
Malaysia
Sabah (UMS)
yang
berlangsung
baru-baru ini
mampu
membina dan
memupuk

kesedaran serta pengetahuan kepada masyarakat tentang isu-isu dan perbuatan jenayah pedofilia yang semakin berleluasa masa kini.

Menurut Timbalan Pengarah Pusat Ko-Kurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP) UMS, Dr. Pathma Nathan K. Supiah, adalah tanggungjawab dalam masyarakat setempat mengambil tahu tentang isu-isu jenayah pedofilia terhadap kanak-kanak serta bagaimana untuk mencegah pedofilia ini.

“Saya percaya bahawa penganjuran program ini dapat menyedarkan orang ramai terhadap bahayanya isu pedofilia ini dan berharap masyarakat di luar sana mampu mengekang ancaman pedofilia terhadap kanak-kanak dan sebagai masyarakat prihatin dapat menyelamatkan lebih banyak lagi masa hadapan kanak-kanak di luar sana.

“Setinggi-tinggi tahniah dan syabas saya tujukan kepada pihak penganjur kerana berjaya merealisasikan penganjuran program yang turut dapat mewujudkan hubungan silaturrahim dan kerjasama erat antara pelajar dalam satu pasukan yang berbeza agama dan bangsa tetapi satu matlamat untuk mencapai objektif program pada hari ini,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya sempena perasmian program tersebut di Dewan Kuliah Pusat Ke-2, UMS.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Penyelaras INTERIM Seksyen 2 UMS, Mohd Juhar Harun.

Terdahulu, pengarah program, Kerlina Anak Kebil berkata, kehadiran peserta program kali ini bukan sahaja dalam kalangan pelajar UMS malah turut dihadiri daripada pelajar sekolah rendah dan menengah serta orang awam.

“Semoga kehadiran mereka pada program ini dapat menyuntik kesedaran dan menambah lagi pengetahuan tentang jenayah pedofilia terhadap kanak-kanak dengan memupuk nilai tanggungjawab dalam masyarakat setempat serta mewujudkan persekitaran selamat dan harmoni melalui pendekatan kempen dan forum seperti program hari ini,” ujar beliau.

Program yang disertai lebih 70 peserta itu turut melibatkan tiga panel jemputan bagi acara Forum Stop Pedofilia 3.0 iaitu Pegawai Penyiasat Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah Kota Kinabalu, Inspektor Nur Sabirah Ramlee; Pegawai Perubatan di Hospital Mesra Kota Kinabalu, Dr. Lee Sze Chet; dan Guru Kaunseling SM All Saint Kota Kinabalu, Mohd. Abdullah bin Samat.